



**BUTIR-BUTIR MESYUARAT YANG KEDUA
BAGI PENGGAL YANG PERTAMA DEWAN UNDANGAN
NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA YANG TELAH DIADAKAN
21hb, 22hb. & 23hb.
PADA 20HB. NOBEMBER, 1978.**

BIL: DUN/PP/408

MESYUARAT YANG KEDUA BAGI PENGKAL YANG
PERTAMA DEWAN UNDANGAN NEGERI, PULAU PINANG
YANG KELIMA YANG AKAN DIADAKAN PADA HARI
ISNIN, 20HB. NOVEMBER, 1978, JAM 9.30 PAGI.

SUSUNAN URUSAN MESYUARAT

1. DOA

2. UCAPAN OLEH TUAN YANG TERUTAMA, YANG DI-PUTUJA NEGERI.

3. MEMBENTANGKAN RISALAT-RISALAT:

Bil. 3 Tahun 1978— Kumpulanwang Amanah Perumahan Kos Rendah.

Bil. 4 Tahun 1978 — Anggaran Tambahan Biasa Yang Pertama Tahun
1978 Negeri Pulau Pinang.

Bil. 5 Tahun 1978 — Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Tahun 1979.

Bil. 6 Tahun 1978— Anggaran Pembangunan 1979.

Bil. 7 Tahun 1978— Penyata Kira-Kira Lembaga Muzium Negeri Pulau
Pinang dan Tabung Kumpulanwang Pembinaan
Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1977.

Bil. 8 Tahun 1978— Lapuran Lembaga Biasiswa Negeri Pulau Pinang
bagi tahun berakhir 31hb. Disember, 1977.

Bil. 9 Tahun 1978 — Lapuran Lembaga Biasiswa Kecil Negeri Pulau
Pinang berakhir pada 31hb. Disember, 1977.

✓ Bil. 10 Tahun 1978— Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang bagi Tahun
1976.

Bil. 11 Tahun 1978— Lapuran Juru Odit Negara Malaysia Mengenai
Kira-Kira Negeri Pulau Pinang bagi Tahun
berakhir 31hb. Disember, 1976.

Bil. 12 Tahun 1978 — Lapuran Tahunan Perbadanan Pembangunan
Pulau Pinang, 1977.

Bil. 13 Tahun 1978 — Penyata Kira-Kira Perbadanan Pembangunan
Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31hb. Disember,
1974.

4. SOALAN-SOALAN

(A) Soalan-Soalan Mulut

(I) Y. B. Encik Md. Noor bin Ahmad bertanya Ketua Menteri:

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini apakah perkembangan yang telah tercapai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersabit dengan lawatan Y.A.B. Ketua Menteri ke Negeri Republik Rakyat China?
2. (a) Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini kenapakah daripada peruntukan sebanyak \$34 juta yang diperuntukan oleh Kerajaan Persekutuan bagi Negeri Pulau Pinang untuk rancangan perumahan, hanya sebanyak \$1.1 juta dibelanjakan sahaja?
(b) Apakah yang akan terjadi kepada wang baki yang diuntukan oleh Kerajaan Persekutuan itu? Bolehkah wang yang baki itu dibelanjakan pada masa yang akan datang atas projek yang sama di negeri ini?
3. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memindahkan Pejabat Hal Ehwal Ugama Islam Negeri Pulau Pinang ke Pejabat Majlis Bandaraya Georgetown yang mana Pejabat Majlis Bandaraya telah pun berpindah ke Kompleks Tun Abdul Razak?
4. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa Pejabat Hal Ehwal Ugama Islam Pulau Pinang telah bocor di sana sini? Berapakah perbelanjaannya untuk memperbaiki kebocoran itu?
5. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung di negeri ini dikaji semula?

(II) Y.B. Encik Abdullah bin Mohamad @ Mahmud bertanya Ketua Menteri:

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri beritahu Dewan ini apakah tujuan lawatan rombongan Pulau Pinang yang diketuai oleh Y.A.B. Ketua Menteri melawat negeri Republik Rakyat China tempoh hari?
2. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri beritahu Dewan ini bilakah pembinaan jambatan yang dicadangkan dari tanah besar ke Pulau Pinang hendak dijalankan dan berapakah anggarannya yang telah ditetapkan? Bagaimanakah rancangan yang besar itu hendak dijalankan, dan tahun bilakah dijangka siap?

3. Adakah Kerajaan sedar bahawa dengan pesatnya rancangan perindustrian di Negeri Pulau Pinang dan di Seberang Perai maka satu ancaman kepada petani-petani telah wujud?
 - (a) Kekurangan tenaga pekerja kerana semua belia telah lari bekerja di kilang-kilang;
 - (b) Oleh sebab pembangunan perindustrian maka tenaga Jabatan Parit dan Talian terpaksa dibahagi dua dan tenaga kerja ke sawah-sawah diperkurangkan. Banyak sawah yang terbiar tidak diusahakan (menjadi tanah-tanah rang) atas sebab pengairan yang tidak sempurna;
 - (c) Sila beritahu Dewan ini apakah ikhtiar-ikhtiar pihak Kerajaan bagi menolong petani-petani mengatasi masalah musuh-musuh tanaman padi seperti tikus, ulat padi, ulat pusing, ulat batang dan lain-lain;
 - (d) Adakah pihak Kerajaan bercadang hendak memberikan pinjaman membeli jentera ringan dua roda kepada petani? Kalau ada bilakah rancangan ini hendak dijalankan?

(III) Y.B. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali bertanya Ketua Menteri:

1. (a) Berapa banyakkah tanah sawah di daerah Bukit Mertajam yang telah menjadi rang semenjak 3 tahun di kebelakangan ini? Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk mengatasinya? Sekiranya ada, apakah rancangan itu dan bilakah hendak dijalankan?
 - (b) Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa sistem pembuangan air di beberapa kawasan sawah di daerah Bukit Mertajam tidak sempurna dan tidak dijaga dan telah menyebabkan tanah-tanah sawah disitu menjadi berlumpur, tidak dapat ditanam padi dan menjadi tempat tikus membiak? Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk membetulkan dan memperbaiki perkara ini? Sekiranya ada bila?
 - (c) Oleh kerana sudah 3 tahun petani-petani di kawasan ini tidak dapat menanam padi, adakah Kerajaan bercadang hendak memotong bayaran hasil air?
2. Bilakah Kerajaan akan menjalankan seluruh projek-projek yang dijanjikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dimasa lawatannya ke kawasan Dewan Undangan Negeri Sg. Dua terutamanya jalan mengeluarkan hasil padi bagi kawasan Permatang Sg. Dua?

3. Berapa banyakkah unit rumah telah dibina oleh PDC, MPSP, MPPP dan swasta dari tahun 1974 hingga tahun 1977 di dalam satu-satu Dewan Undangan Negeri? Dari jumlah itu berapa unit rumah dan berapa peratus unit rumah yang dimiliki oleh Bumiputra?
4. (a) Bilakah Empangan Prai akan dibina? Berapa banyak perbelanjaan diperlukan? Adakah ini sudah disediakan?
- (b) Berapakah luas tanah yang diambil bagi projek tersebut, dan berapakah jumlah wang yang telah dibayar dan akan dibayar bagi pengambilan yang tersebut sebagai ganti rugi kepada tuan-tuan yang tersebut? Terangkan juga bilangan tuan-tuan tanah yang terlibat mengikut bangsa?

(IV) Y.B. Encik Teoh Kooi Sneah bertanya Ketua Menteri:

1. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa rancangan bagi mendirikan sebuah kawasan Perindustrian di Seberang Perai Selatan. Jika ada, bilakah ianya akan dilaksanakan?
2. Berapakah projek-projek perumahan murah yang akan dilaksanakan di Seberang Perai Selatan?

Bilakah permohonannya akan dibuka?

(V) Y.B. Encik Ng Swee Ching bertanya Ketua Menteri:

1. (a) Adakah pihak Kerajaan Negeri bersedia untuk membina sebuah bangsal nelayan dan dua saluran parit simen di Kampong Melayu, Bagan, Bukit Tambun sebagaimana yang telah dijanjikan oleh Y.A.B. sendiri, semasa Y.A.B. membuat lawatan ke Kampong tersebut beberapa bulan yang lalu?
- (b) Jika sekiranya Pihak Kerajaan Negeri hendak menjalankan projek yang tersebut di atas, bilakah agaknya projek itu akan dimulakan?
2. (a) Adakah pihak Kerajaan Negeri telah mengeluarkan semua Surat Hakmilik Tanah kepada pemilik-pemilik tanah yang mana tanahnya telah disukat dan dinilai pada pertengahan enam puluhan dan telah menjelaskan semua pembayaran yang dikenakan?
- (b) Sekiranya Surat Hakmilik Tanah ini belum dikeluarkan bilakah pihak Kerajaan akan membereskan perkara itu?
- (c) Adakah pemilik-pemilik tanah yang mana tanahnya telah disukat baru-baru ini telah dikenakan bayaran yang lebih tinggi?

3. Memandang pada kekurangan kemudahan perumahan di Pulau Pinang, adakah Y.A.B. Ketua Menteri telah mengambil langkah-langkah untuk mengarahkan bahawa kedua-dua Majlis Perbandaran di Pulau Pinang, dapat melonggarkan syarat-syarat untuk permohonan kelulusan pelan-pelan "layout"?

(VI) Y.B. Dr. Sak Cheng Lum bertanya Ketua Menteri:

1. Kita sedia maklum bahawa kemudahan-kemudahan rekreasi (recreational facilities) adalah amat kurang di Seberang Perai. Adakah Kerajaan Negeri akan merancang mengadakan satu Kompleks Sukan dan "Indoor Stadium" di Seberang Perai?
2. Apabila kita masih menghadapi kekurangan perumahan, bolehkah pihak Kerajaan Negeri membekalkan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air dan letrik dan kemudahan kesihatan ke kawasan-kawasan setinggan?
3. (a) Selain daripada projek-projek perumahan Kerajaan Negeri yang telah diadakan sekarang, adakah rancangan perumahan lain yang akan dilaksanakan lagi?
(b) Bolehkah P.D.C. mengadakan sebuah Pejabat Cawangan dan Pusat Penerangannya di Butterworth, supaya perkhidmatannya lebih berkesan (efficient and effective)?
4. Adakah pihak Kerajaan Negeri akan mengambil satu langkah dengan secepat mungkin untuk melindungi Pantai Bersih dari erosi laut (sea erosion) dan juga memajukan pantai tersebut dan pantai di Butterworth sebagai tempat-tempat peranginan (tempat-tempat pelancungan)?
5. Berapakah jumlah peruntukan Jalanraya (Road Grants) telah diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 1978?
(a) Berapakah dari peruntukan itu telah dibahagikan untuk memajukan jalan-jalan di Butterworth, khasnya di kawasan Pilihanraya Bagan Jermal pada tahun 1978?
(b) Adakah Kerajaan Negeri merancang meluaskan dan juga mencantikkan jalan-jalan di Butterworth pada tahun tersebut dan berapakah peruntukannya?
6. (a) Memandang kepada jasa-jasa, perkhidmatan-perkhidmatan dan pengorbanan (sacrifice) oleh mendiang Encik Ong Yi How untuk rakyat di kawasannya dan masyarakat pada amnya, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri atau Kerajaan Negeri menimbangkan satu cadangan menamakan satu jalanraya di Butterworth dengan nama Mendiang Encik Ong Yi How?

- (b) Lebih-lebih lagi, adakah Kerajaan Negeri telah membuat keputusan atas perkara yang berkaitan dengan pencen Mendiang Encik Ong Yi How?

(VII) Y.B. Encik Peter Paul Dason bertanya Ketua Menteri:

1. Nyatakan samada hakmilik-hakmilik 'strata' (strata titles) telah dikeluarkan untuk rumah-rumah pangsa di Rifle Range, Pulau Pinang? Jika tidak mengapa?
2. Nyatakan:
 - (a) Sebab-sebab mengapa empat buah gerabak dibeli oleh Pihak Penang Hill Railway baru-baru ini dari sebuah firma luar negeri?
 - (b) Langkah-langkah yang diambil, jika ada, untuk menentukan samada mana-mana firma tempatan boleh membina gerabak-gerabak itu?
3. Nyatakan :
 - (a) Amaun yang terlibat setakat ini dalam kajian-kajian yang dijalankan berkaitan dengan pembinaan 'linkage' tetap diantara Pulau Pinang dengan Seberang Perai.
 - (b) Samada apa-apa keputusan telah diambil mengenai reka bentuk 'linkage' yang dicadangkan itu.
4. Nyatakan :
 - (a) Amaun yang diminta oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dari Kerajaan Persekutuan untuk tujuan menjalankan rancangan-rancangan rumah berharga rendah bagi tahun-tahun berikut:—
 - (i) 1974
 - (ii) 1975
 - (iii) 1976
 - (iv) 1977
 - (v) 1978
 - (b) Amaun yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan untuk tujuan yang dinyatakan diatas bagi tiap-tiap tahun yang dinyatakan diatas ini.
 - (c) Amaun wang yang tidak digunakan daripada grant-grant yang diberikan untuk tujuan yang dinyatakan diatas ini bagi setiap tahun yang dinyatakan diatas ini.

- (d) Bilangan yunit rumah-rumah kos harga rendah yang dibina dengan menggunakan grant-grant tersebut untuk tahun-tahun yang dinyatakan diatas ini.

5. Nyatakan:

- (a) Bilangan yunit rumah-rumah berharga rendah yang dibina oleh Kerajaan Negeri dengan menggunakan wang Negeri untuk tahun-tahun yang berikut:—

- (i) 1974
- (ii) 1975
- (iii) 1976
- (iv) 1977
- (v) 1978

- (b) Amaun yang dibelanjakan untuk rumah-rumah berharga rendah itu bagi tahun-tahun yang dinyatakan diatas ini.

6. Nyatakan mengapa terdapat kelambatan dalam pembinaan "Penang Hill Road"?

7. Nyatakan samada Ketua Menteri sedar tentang kekurangan besar petak letak kereta di sekitar kawasan Bandaraya?. Jika ya, nyatakan samada ada rancangan untuk menyelesaikan masalah ini?

- (a) Jumlah amaun wang yang dikutip dari bayaran untuk meletak kereta bagi tahun 1975, 1976, 1977 dan sehingga 31.10.1978;

- (b) Jumlah wang yang dibayar sebagai gaji kepada atendan-atendan kereta dalam masa tahun-tahun yang disebut diatas ini.

8. Nyatakan jumlah amaun wang bayaran profesional yang dibayar kepada Pasukan Tiga (Team 3) berkaitan dengan projek KOMTAR?

9. Nyatakan mengapa atendan-atendan lif di Rumah Pangsa Rifle Range masih diupah secara sementara sungguhpun kebanyakan mereka ini telah bekerja lebih dari 7 hingga 8 tahun dan nyatakan samada terdapat apa-apa niat untuk menetapkan mereka dalam perjawatan tetap?

(VIII) Y.B. Encik Ahmad bin Salleh bertanya Ketua Menteri:

1. (a) Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini, bilakah projek-projek rumah peralihan yang telah dibina akan siap dan diduduki?

- (b) Jika sekiranya projek ini sudah siap, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini samada proses permohonan telah dibuat; jika belum bilakah dijangka akan dibuat?
- (c) Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa kerja-kerja yang sedang dijalankan bagi membina setengah projek rumah-rumah peralihan berjalan terlalu lambat? Jika sedar apakah sebab-sebabnya dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini?
2. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini, samada Kerajaan akan merancang bagi menubuh sebuah Lembaga Perumahan untuk mengendalikan secara langsung masalah-masalah yang berkaitan dengan perumahan di Pulau Pinang.
3. Sepertimana yang telah dirancang oleh Kerajaan, sebatang jalanraya di Victoria, Nibong Tebal akan dibina. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah projek ini akan dimulakan?
4. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini sejauh manakah langkah-langkah yang telah diambil dalam usaha membina jambatan sungai Bukit Tambun ke Batu Kawan?
5. (a) Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa lebih dari 200 ekar sawah di Tasek telah musnah akibat pencemaran kilang kertas? Apakah langkah-langkah yang telah diambil setakat ini untuk mengatasinya?
- (b) Adakah Kerajaan akan menimbang bagi membayar ganti rugi kepada petani-petani yang malang akibat pencemaran itu, atau meminta pihak kilang kertas itu membayar ganti rugi kepada petani-petani?
- (c) Akibat dari pencemaran itu satu saluran air ke sawah-sawah yang berkenaan juga telah tertimbus. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah langkah membaikinya akan diambil?
6. (a) Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini samada langkah-langkah telah diambil untuk mendirikan gerai-gerai dan kedai-kedai untuk peniaga-peniaga dan pekedai-pekedai Bumiputra dalam Negeri ini?
- (b) Jika langkah ini telah diambil bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini akan tempat-tempat serta bilangan yunit-yunit gerai-gerai dan kedai-kedai itu?

7. (a) Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini sejauh manakah langkah-langkah yang telah diambil bagi merancang pembukaan tanah simpanan Kerajaan yang ada di Sungai Chenaam dan Sungai Aceh?
- (b) Jika langkah-langkah ini telah diambil bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini akan tarikh pembukaan tanah itu dan apakah jenis-jenis tanaman yang sesuai hasil dari kajian yang telah dibuat oleh Jabatan Pertanian?
- (c) Dalam lawatan Y.A.B. Ketua Menteri ke kawasan itu Y.A.B. telah mengarah jabatan-jabatan yang berkenaan supaya membuat Pelan Induk mengenai perkampungan itu. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini berapa plot yang dijangka boleh diberi kepada penduduk-penduduk tempatan di situ untuk mendirikan rumah-rumah mereka?
8. Adakah langkah-langkah telah diambil oleh Kerajaan bagi memperbaiki bangunan Mahkamah Syariah Bandaraya seperti yang telah tersiar dalam surat khabar tempatan baru-baru ini? Jika ada, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bila kerja-kerja memperbaiki akan dimulakan?
9. (a) Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini jumlah syarikat-syarikat usahasama yang dijalankan oleh P.D.C.?
- (b) Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini senarai nama-nama syarikat yang menjalankan secara usahasama dengan P.D.C.?
- (c) Dari jumlah syarikat-syarikat yang tersebut itu, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menerangkan kepada Dewan ini jumlah modal-modal yang terlibat dan siapakah ahli-ahli Lembaga yang dipilih mewakili P.D.C. bagi tiap-tiap satu syarikat?
10. (a) Bagi tahun 1977 dan 1978 berapakah jumlah bilangan rumah-rumah yang dibina oleh P.D.C. bagi kawasan yang berikut dibawah ini:—

(i) Kawasan Bayan Baru

(ii) Kawasan Seberang Jaya

Nyatakan harga bagi setiap satu yunit. Berapakah jumlah kos bagi pembinaan rumah-rumah tersebut?

- (b) Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini, dari jumlah yunit-yunit yang dibina itu, berapakah yang diperuntukan kepada Bumiputra?
- (c) Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini sebab-sebab mengapakah P.D.C. tidak mendirikan rumah yang berharga lebih murah lagi untuk rakyat yang berpendapatan rendah?

(IX) Y.B. Encik Karpal Singh bertanya Ketua Menteri:

1. Adakah Kerajaan bercadang untuk meneruskan projek KOMTAR seperti mana yang dicadangkan dahulu atau adakah apa-apa perubahan dan jika demikian apakah perubahan-perubahan itu?
2. (a) Adakah tempat ganti yang sesuai atau gantirugi diberi kepada pekedai-pekedai dan penduduk-penduduk yang terlibat dalam projek KOMTAR?
- (b) Adakah kajian dibuat untuk memindahkan mereka yang terlibat dalam projek KOMTAR?
- (c) Berapakah bilangan diantara mereka yang terlibat itu bersetuju menerima tempat ganti atau gantirugi?
3. Adakah Kerajaan sedar tentang keperluan dan kekurangan rumah murah dinegeri ini dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menampung kekurangan ini?
4. (a) Berapakah perbelanjaan yang terlibat dalam perjalanan Dr. Lim Chong Eu ke negeri Republik Rakyat China?
- (b) Apakah bidang-bidang yang dicadang untuk perusahaan bersama diantara Negeri China dan Pulau Pinang hasil dari perjalanan Dr. Lim Chong Eu ke negeri China?
5. (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membatalkan acara tahunan minggu Adelaide?
- (b) Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri beritahu Dewan ini tentang faedah-faedah atau hasil yang diperolehi dari usaha menyatatakan (Twin Cities) Georgetown dengan Adelaide?
6. (a) Adakah Kerajaan menjalankan penyiasatan terhadap keruntuhan yang berlaku di Solok Perak dan apakah yang menyebabkan runtuhannya itu?
- (b) Apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah mereka yang terlibat dalam runtuhannya itu?

7. (a) Memandangkan kepada lapangan terbang baru yang hampir siap di Bayan Lepas, apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi sesakan lalu lintas disepanjang jalan Bayan Lepas — Bandaraya?
- (b) Bilakah jalan Besar (coastal road) ke lapangan terbang akan siap?
8. Memandang kepada bilangan penagih dadah yang sentiasa meningkat dalam negeri Pulau Pinang, bolehkah Ketua Menteri beritahu Dewan ini tentang apa langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah ini?
9. Apakah usaha Kerajaan untuk mengatasi masalah banjir yang kerap kali berlaku di beberapa kawasan bandaraya yang disebabkan oleh hujan yang turun beberapa jam sahaja?
10. Adakah Ketua Menteri sedar tentang bilangan penganggur dalam Negeri Pulau Pinang dan bolehkah Ketua Menteri beritahu Dewan ini jumlah bilangan yang menganggur termasuk mereka yang tidak berdaftar dengan Pejabat Buruh?

(B) Soalan-Soalan Bertulis

(I) Y.B. Encik Md. Noor bin Ahmad bertanya Ketua Menteri:—

1. (a) Bilakah projek rumah peralihan bagi kawasan Tasek Gelugor akan dimulakan, dan bilakah tarikh siap projek ini?
- (b) Sila nyatakan bagaimanakah bentuk rumah peralihan ini?
- (c) Berapakah harga bagi tiap-tiap sebuah rumah peralihan itu?
2. Bilakah projek jalan-jalan raya bagi tempat seperti berikut dibawah ini akan d'imulakan, dan sila nyatakan tarikh siapnya projek-projek tersebut:—
 1. Jalan dari Kampong Tok Bidor terus ke Kampong Baharu.
 2. Jalan dari Pinang Tunggal melalui Kampong Lembah Raja terus ke Ekor Kucing.
 3. Jalan dari Pokok Tampang ke Pengkalan Baru.
 4. Jalan dari Simpang Tiga Tasek Gelugor terus ke Ara Kuda.
 5. Jalan dari Kampong Baharu terus ke Guar Lobak.

6. Jalan dari Kepala Batas terus ke Pokok Jenerih.
3. Bilakah Kerajaan Negeri akan memberi hakmilik tanah kepada pemegang lesen T.O.L. di Kampong Selamat dan Tasek Kachang Puri?
4. Bilakah Projek memperdalam dan membesar serta membersihkan Sungai Kerik akan dimulakan?
5. Silanyatakan bilangan projek-projek jalan raya di Kampong Selamat akan dimulakan?

(II) Y.B. Encik Lim Heng Tee bertanya Ketua Menteri:

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini sebab-sebab bagi penangguhan projek perumahan murah Kerajaan di Permatang Tinggi?

Apakah tarikh baru projek tersebut dapat dijalankan?

2. Pada mesyuarat Dewan Undangan Negeri yang diadakan pada 29.8.1977, Kerajaan Negeri telah menyatakan bahawa suatu tapak baru akan dicari untuk menggantikan tapak membuang sampah sarap sekarang di Bukit Kecil, Bukit Mertajam.

(a) Sudahkah tapak baru itu didapatkan?

(b) Jika tidak, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak berkuasa buat sementara untuk mengurangkan bahaya kesihatan dari tempat sampah sarap itu?

(c) Pada masa lawatan Ketua Menteri ke Bukit Kecil pada awal tahun ini, beliau telah mengarah Pegawai Perancang Negeri, Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Pegawai Daerah Bukit Mertajam supaya merancang bersama-sama untuk pembinaan yang seluruh dan tetap bagi kawasan yang berkeliling tempat membuang sampah sarap di Bukit Kecil.

(i) Sudahkah pelan tersebut disediakan?

(ii) Jika belum, bolehkah pihak-pihak berkenaan menjamin akan melaksanakan pelan tersebut dalam tempoh 6 bulan atau lebih kurang?

3. Adakah apa-apa rancangan untuk menubuhkan satu Konsortium Pengangkutan Umum sebagai satu langkah untuk memperbaiki perkhidmatan pengangkutan awam di Pulau Pinang?

Jika ada, apakah rancangan itu?

4. Hendakkah Kerajaan menimbangkan atas pembinaan sebuah perpustakaan awam di Bukit Mertajam?

Sebagai langkah buat sementara waktu, dapatkah Perpustakaan Awam Pulau Pinang memberi perkhidmatan perpustakaan yunit meronda (mobile library unit) kepada penduduk-penduduk di Bukit Mertajam, khasnya penduduk-penduduk di Kampong-kampong dan Perkampungan-perkampungan baru?

(III) Y.B. Encik Abdullah bin Mohamad @ Mahmud bertanya Ketua Menteri:

1. Bilakah tarikh pembinaan Pejabat baru Kadi Daerah Bukit Mertajam hendak dijalankan?
 - (a) Apakah sebab-sebab kelewatan pembinaan dijalankan sedangkan kelulusannya telah lama diberi?
 - (b) Berapakah peruntukan yang telah disediakan atas pembinaanya?
 - (c) Adakah sebab-sebab kelewatan pembinaan Pejabat Kadi berkaitan dengan pemindahan pemborong sayur atas tapak yang dicadangkan bagi pejabat tersebut? Kalau ya, apakah tindakan yang telah diambil bagi menyelesaikan masalah ini?
2. Bilakah pembinaan Masjid Haji Saad di Tanah Liat, Bukit Mertajam hendak dibina?
 - (a) Adakah Kerajaan sedar wang untuk pembinaannya telah diperolehi lebih dari setahun dari Jabatan Perdana Menteri? Kalau sedar bilakah perlaksanaannya hendak dijalankan?
 - (b) Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri beritahu Dewan ini sebab-sebab projek ini tergendala sedangkan Jawatankuasa Mesjid telah menyediakan semua pelan-pelan yang dikehendaki?
3. Adakah Kerajaan bercadang hendak membina perumahan murah di kawasan Penanti seperti yang telah dicadangkan? Kalau ada, adakah diatas tapak lot No. 608? Bilakah perlaksanaannya hendak dijalankan?
4. Sila beritahu Dewan ini bilakah rancangan pembetulan Sungai Kulim hendak dijalankan?
 - (a) Berapakah telah diperuntukan setakat ini untuk rancangan tersebut?
 - (b) Adakah projek ini rancangan Kerajaan Persekutuan atau rancangan Kerajaan Negeri atau kedua-duanya?
5. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri beritahu Dewan ini dalam rancangan Malaysia Ketiga apakah rancangan-rancangan yang telah diatur dan akan dilaksanakan bagi kawasan Penanti? Sila senaraikan semua rancangan-rancangannya?

6. Adakah pihak Jabatan Hal Ehwal Ugama telah melantik pegawai-pegawai pencegah maksiat, dan pegawai-pegawai penerangan ugama Islam bagi Pulau Pinang dan Seberang Perai? Kalau ada, sila beritahu nama pegawai-pegawai yang tersebut dan taraf kelulusannya?

(IV) Y.B. Dr. Tan Chong Teik bertanya Ketua Menteri:

1. Apakah sebab-sebab seluruh bahagian hujung Jalan Aziz Ibrahim, Sungai Nibong tidak dipasangkan dengan lampu-lampu jalan?
2. Penduduk-penduduk di Kawasan Penempatan Semula Kampung Baru, Sungai Ara sudah lama mengalami masalah-masalah jalan tanah dan banjir semenjak penempatan semula bermula tiga tahun yang lalu.
 - (a) Apakah sebab-sebab jalan-jalan tanah dalam kawasan itu tidak dibina dengan sempurna dan tidak diturap dengan tar?
 - (b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah banjir di kawasan itu?
3. Apakah sebab-sebab sekitar kawasan Bandar Bayan Baru masih dilanda banjir ketika musim hujan?
4. Apakah sebab-sebab dinding rumah klaster di Bandar Bayan Baru kelihatan basah terutamanya selepas hujan?
5. Apakah sebab-sebab dua batang jalan tanah di kawasan Penempatan Semula Lorong Sungai Dua masih belum diturap dengan tar?

(V) Y.B. Encik Liang Thau Sang bertanya Ketua Menteri:

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah Sungai Juru dari pencemaran memandangkan ikan dan udang tidak boleh membiak di sungai itu?
2. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini samada Kerajaan merancang untuk membina rumah murah di kawasan berdekatan kampung Juru memandangkan bahawa pembangunan kampung ini sangat ketinggalan?
3. Kerajaan telah bercadang hendak membina sebuah sekolah di Prye Estate. Ini akan melibatkan lebih sepuluh buah rumah kena pindah. Adakah Kerajaan menyediakan suatu tempat baru untuk membolehkan mereka membina taman halaman baru?
4. Sungai To' Kedidi di Jalan Baharu, Mk. 6, selalu banjir. Penduduk-penduduk di kawasan ini telah menanggung kerugian besar disebabkan banjir itu. Adakah Kerajaan bercadang mengambil langkah untuk mencegah banjir tersebut?

5. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu apakah sebabnya Rancangan Perumahan yang sedang dilaksanakan di Seberang Jaya itu terlalu lambat?

(VI) Y.B. Encik Teoh Kooi Sneah bertanya Ketua Menteri:

1. Memandangkan keadaan pasar di Sungai Bakap yang amat buruk, adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa rancangan bagi membina sebuah pasar baru?
2. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberikan perangkaan mengenai jumlah pemegang-pemegang TOL bagi lat-lat perumahan di Seberang Perai Selatan yang telah memohon bagi pemberian hakmilik tanah dari tahun 1974 sehingga sekarang dan berapakah yang telah diluluskan bagi setiap tahun sejak 1974?
3. Apakah projek-projek Negeri yang akan dilaksanakan di Seberang Perai Selatan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga?
4. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa rancangan bagi menyusun semula atas keadaan Perkampungan Wellesley, Sungai Bakap dan Kampung Baru, Simpang Ampat supaya dapat memberikan kemudahan-kemudahan asas untuk penduduk-penduduk?
5. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa sistem parit di Perkampungan Jawi, Valdor dan Sungai Kecil tidak sempurna?

Adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa rancangan untuk memperbaikinya? Jika demikian, berikan perangkaan mengenai parit-parit yang akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga bagi perkampungan-perkampungan tersebut?

(VII) Y.B. Encik Ng Swee Ching bertanya Ketua Menteri:

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberi senarai penuh mengenai permohonan-permohonan untuk rancangan "layout" dan pembangunan yang diterima oleh kedua-dua Majlis Perbandaran di antara lhb. Julai 1975 sehingga hari ini? Dalam senarai tersebut sila nyatakan:
 - (a) Tarikh penerimaan rancangan "layout" dan pembangunan
 - (b) Nama-nama pemohon
 - (c) Tarikh kelulusan atau penolakan permohonan-permohonan
 - (d) Sebab-sebab ditolak
 - (e) Jika ada yang masih menunggu keputusan, sila berikan sebab-sebab untuk penangguhan

- (f) Jika ada yang ditangguh lebih dari 6 bulan, adakah mereka itu akan diberitahu tentang keperluan jawatan-kuasa perancangan, serta tarikh bila mereka akan diberi laporan?

(VIII) Y.B. Dr. Sak Cheng Lum bertanya Ketua Menteri:

1. Kita sedia maklum bahawa banjir sentiasa melanda daerah Butterworth. Kawasan-kawasan yang terlibat ialah jalan-jalan di Bagan Lallang, Kawasan Jalan Siram, Kg. Bagan Dalam dan di beberapa buah kampung lain. Perkara ini disebabkan oleh:—

- (a) Sistem pengaliran yang kurang memuaskan.
- (b) Longkang-longkang yang terlalu banyak lumpur (silting) dan sampah sarap.
- (c) Kerja-kerja pembangunan yang berhampiran dengan kawasan-kawasan tersebut.
- (d) Faktor-faktor lain.

Oleh yang demikian, satu laporan Pelan Induk (Master Plan) yang bertajuk “Sistem Pengaliran Najis dan Sistem Parit di kawasan-kawasan Metropolitan Butterworth/Perai/Butterworth”, telah disediakan.

Kita ingin mendapat penjelasan berkaitan dengan perkara-perkara yang berikut:—

- (a) Bilakah Pelan Induk yang dirancangkan itu akan dilaksanakan, tarikh diramalkan untuk permulaan kerja-kerjanya dan juga tarikh diramalkan penyelesaian kerja-kerjanya?
 - (b) Dalam masa yang sama juga, adakah sesuatu tindakan sementara diambil untuk mencegah bencana banjir ini daripada dibiarkan berlaku dengan terus-menerus?
 - (c) Adakah kajian berkenaan dengan sistem pengaliran ini meliputi rancangan-rancangan tambahan yang perlu dalam menyelesaikan masalah-masalah pencemaran yang terjadi di Kuala Juru, seperti yang telah dinyatakan terdahulu oleh Kementerian Alam Sekitar?
2. Bilangan penduduk-penduduk di Butterworth telah berlipat-ganda dan kita masih belum ada sebuah “abbatoir” Kerajaan. Adakah Kerajaan Negeri akan merancang mengadakannya dan juga tarikh dijangka menyempurnakannya?

3. Tempat buang sampah sekarang di Sungai Rambai, Bukit Mertajam dan Bagan Lallang, Sungai Puyu, Butterworth telah menyebabkan banyak aduan dibuat oleh penduduk-penduduk yang tinggal berhampiran dengan tempat-tempat tersebut.

Adakah pihak Majlis Perbandaran, Seberang Perai akan mengambil langkah-langkah bagi memindahkan kedua-dua tempat membuang sampah yangmana telah memberi pencemaran begitu kuat itu? Jika ada, di manakah letaknya tempat yang dirancang itu?

4. Memandangkan kepada perkembangan industri-industri di Kawasan Perusahaan di Mak Mandin dan di Perai, ramai pekerja-pekerja dari luarbandar telah diambil, adakah Kerajaan Negeri merancang memberi kemudahan asrama untuk pekerja-pekerja tersebut, supaya masalah-masalah ekonomi dan sosial boleh di kurangkan?

(IX) Y.B. Encik Chin Nyok Soo bertanya Ketua Menteri:

1. Nyatakan jumlah perbelanjaan untuk Persidangan Raja-Raja di Pulau Pinang baru-baru ini oleh Kerajaan Pulau Pinang.
2. Nyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan bagi mengadakan Pamiran EXPO 1978 baru-baru ini untuk menyambut Persidangan Raja-Raja di Pulau Pinang yang ke 112, dengan memberi pecahan perbelanjaan bagi setiap jenis perbelanjaan.
3. Nyatakan jumlah tuntutan-tuntutan perjalanan, elaun keraian dan elaun sara hidup yang dituntut oleh setiap orang anggota EXCO Kerajaan Negeri termasuk Ketua Menteri Pulau Pinang bagi setiap tahun iaitu 1974, 1975, 1976, 1977 dan 1978.
4. Nyatakan samada bulatan di simpang Jalan Ayer Itam dengan Jalan Scotland boleh diubah dan menggunakan lampu terafik.
5. Nyatakan samada dapat jambatan yang menyeberangi Sungai Ayer Itam diperluaskan dan diadakan tempat lalu-lintas bagi orang-orang berjalan kaki di kedua-dua bahagian tepi jambatan tersebut.
6. Nyatakan samada dapat Kerajaan membina padang permainan untuk kanak-kanak di kawasan Paya Terubong Mukim 13, berhampiran dengan Kilang Getah Lee Rubber Sendirian Berhad yangmana terdapat sebidang tanah kosong.

(X) Y.B. Dr. Ong Hean Tee bertanya Ketua Menteri:

1. Berapakah bilangan setinggan-setinggan yang tinggal di tanah Kerajaan Negeri, tanah Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan tanah Majlis Perbandaran Seberang Perai?

Apakah dasar Kerajaan Negeri berkenaan dengan setinggan-setinggan ini?

2. Berapakah bilangan rumah-rumah haram di kawasan Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan apakah dasar Majlis Perbandaran berkenaan dengan rumah-rumah ini?
3. Berapakah keluasan tanah yang dipunyai oleh Kerajaan Negeri? Berapa peratus dari tanah ini telah dimajukan dan berapa peratus lagi yang boleh dimajukan?
4. Berapa banyakkah tanah telah diterbusguna (reclaimed) oleh Kerajaan Negeri dalam sepuluh tahun yang lepas, dan untuk apakah tanah ini digunakan?

5. RANG UNDANG-UNDANG

1. Rang Undang-Undang Perbekalan (1979), 1978 (Semua Peringkat).
2. Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (1978) (No. 1), 1978.
3. Rang Undang-Undang Pinjaman (Bank-Bank) (Pembangunan Projek-Projek Perusahaan, Perdagangan dan Perumahan) (Pindaan), 1978.
4. Rang Undang-Undang Jaminan Pinjaman (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) (Pindaan), 1978.

6. USUL-USUL

(A) Y.B. Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Bakar mencadangkan:—

“Bahawa kami, Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, mohon mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama, Yang di-Pertua Negeri kerana telah berkenan melafazkan Ucapan kepada Dewan ini di Mesyuarat Yang Kedua bagi Penggal Yang Pertama pada 20hb. November, 1978.”

(B) Y.B. Datuk Teh Ewe Lim mencadangkan:—

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-Ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Dewan bagi Penggal Yang Pertama dan Kedua, Dewan Undangan Negeri, Pulau Pinang, Yang Kelima:—

- (1) Y.B. Tuan Speaker (Pengerusi)
- (2) Y.B. Encik Mohamad @ Ahmad Radhi bin Pachee
- (3) Y.B. Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Bakar, PPN., JP.
- (4) Y.B. Dr. Sak Cheng Lum
- (5) Y.B. Encik Abdullah bin Mohamed @ Mahmud, PPN.
- (6) Y.B. Dr. Ong Hean Tee
- (7) Y.B. Encik Peter Dason

dan bahawa Pengerusi serta tiga orang Ahli-Ahli yang lain akan membentuk satu koram. Jawatankuasa tidak akan berkuasa mendapatkan orang-orang, dokumen-dokumen atau risalah-risalah kecuali jika Dewan memutuskan sebaliknya.”

(C) Y.B. Encik Abdul Rahman bin Haji Abbas mencadangkan:—

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-Ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat bagi Penggal Yang Pertama dan Kedua Dewan Undangan Negeri, Pulau Pinang, Yang Kelima:—

- (1) Y.B. Tuan Speaker (Pengerusi)
- (2) Y.B. Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman, KMN., AMN., PJK.
- (3) Y.B. Encik Khor Gark Kim
- (4) Y.B. Encik T. Subbiah, KMN., PJK.
- (5) Y.B. Dr. Tan Chong Teik, PJK.
- (6) Y.B. Encik Seow Hun Khim.
- (7) Y.B. Encik C. Y. Choy
- (8) Y.B. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali, PJK.

dan bahawa Pengerusi serta tiga orang Ahli-Ahli yang lain akan membentuk satu koram. Jawatankuasa tidak akan berkuasa mendapatkan orang-orang, dokumen-dokumen ataupun risalah-risalah kecuali jika Dewan memutuskan sebaliknya.”

(D) Y.B. Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman mencadangkan:—

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Ahli-Ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Awam bagi Penggal Yang Pertama dan Kedua Dewan Undangan Negeri, Pulau Pinang Yang Kelima untuk mengkaji kira-kira dan laporan-laporan seperti yang ditetapkan dalam Peraturan Mesyuarat 109A(1) dan untuk membuat segala laporan-laporan mengenainya kepada Majlis seperti mana yang difikirkan perlu oleh Jawatankuasa:—

- (1) Y.B. Encik Lim Heng Tee (Pengerusi)
- (2) Y.B. Encik Ahmad bin Salleh, AMN.
- (3) Y.B. Encik Abdullah bin Mohamed @ Mahmud, PPN.
- (4) Y.B. Encik Ng Swee Ching, AMN., PJK.
- (5) Y.B. Encik C.Y. Choy

dan Pengerusi serta dua orang Ahli akan membentuk satu koram.”

(E) Y.B. Encik Khor Gark Kim mencadangkan:—

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-Ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi Penggal Yang Pertama dan Kedua, Dewan Undangan Negeri, Pulau Pinang, Yang Kelima:—

- (1) Y.B. Tuan Speaker (Pengerusi)
- (2) Y.B. Encik Abdul Rahman bin Haji Abbas
- (3) Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak, PJK., PPN.
- (4) Y.B. Encik Samsuddin@ Md. Noor bin Ahmad, PJK.
- (5) Y.B. Encik Teoh Kooi Sneah, JP.
- (6) Y.B. Encik Liang Thau Sang, PJM.
- (7) Y.B. Encik Karpal Singh.

dan bahawa Pengerusi serta tiga orang Ahli-Ahli yang lain akan membentuk satu koram. Jawatankuasa akan berkuasa mendapatkan orang-orang, dokumen-dokumen dan risalah-risalah dan melapurkan kepada Dewan dari semasa ke semasa.”

(F) Y.A.B. Ketua Menteri mencadangkan:—

“Bahawa dengan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak \$68,040,550.00 yang tertunjuk di dalam Anggaran Pembangunan, 1979, yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Undangan Negeri Bil. 6 Tahun 1978 dan menetapkan bahawa jumlah wang tersebut hendaklah dipergunakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan di dalam Anggaran Pembangunan, 1979, itu.”

(G) Y.A.B. Ketua Menteri mencadangkan:—

”Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu “Kumpulanwang Amanah Perumahan Kos Rendah” hendaklah ditubuhkan menurut Seksyen-Kecil 4(b) kepada Seksyen 10 Akta Acara Kewangan, 1957.”

DUN/PP/408

SECOND MEETING OF THE FIRST SESSION OF
THE FIFTH LEGISLATIVE ASSEMBLY, PENANG
TO BE HELD ON MONDAY, 20TH NOVEMBER, 1978,
AT 9.30 A.M. IN THE LEGISLATIVE ASSEMBLY
CHAMBER, LIGHT STREET, PENANG.

ORDERS OF THE DAY

1. PRAYER.

2. Address by His Excellency the Yang di-Pertua Negeri.

3. PRESENTATION OF PAPERS:

No. 3 of 1978 — Low Cost Housing Trust Fund.

No. 4 of 1978 — 1st Supplementary Ordinary Estimates 1978 of the State of Penang.

No. 5 of 1978 — Estimates of Revenue and Expenditure, 1979.

No. 6 of 1978 — Development Estimates, 1979.

No. 7 of 1978 — Statement of Accounts of the State Museum Board and Building for the year 1977.

No. 8 of 1978 — Report of the Penang State Scholarship Board for the year ending 31st December, 1977.

No. 9 of 1978 — Report of the Penang State Minor Scholarship Board for the year ending 31st December, 1977.

No. 10 of 1978 — Financial Statement for the year 1976 of the State of Penang.

No. 11 of 1978 — Report of the Auditor-General Malaysia on the accounts of the State of Penang for the year ending 31.12.76.

No. 12 of 1978 — Penang Development Corporation Annual Report, 1977.

No. 13 of 1978 — Statement of Accounts of the Penang Development Corporation, Penang, for the year ending 31.12.74.

4. QUESTIONS:

(A) (ORAL):

(1) Hon'ble Encik Md. Noor bin Ahmad to ask the Chief Minister:—

1. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House what results have been achieved by the State Government of Penang arising out of the visit of the Hon'ble Chief Minister to the Peoples' Republic of China?
2. Can the Hon'ble Chief Minister
 - (a) inform this House why out of an allocation of \$34 million from the Federal Government for housing in the State of Penang, only \$1.1 million have been spent?
 - (b) what will happen to the balance of the allocation from the Federal Government? Can the balance be utilised in the future for similar projects in the State?
3. Will the State Government move the Religious Affairs Department to the offices vacated by the Municipal Council now that the latter has been transferred to the Complex Tun Abdul Razak?
4. Is the Hon'ble Chief Minister aware that the Religious Affairs office leaks in a number of places? What is the cost of repairs to the leaks?
5. Can the Hon'ble the Chief Minister inform this House when will the role of responsibility of the Kampong Development and Security Committees be reviewed?

(II) Hon'ble Encik Abdullah bin Mohamed@ Mahmud to ask the Chief Minister:—

1. Can the Hon'ble the Chief Minister inform this House the objective of the recent visit to the Peoples' Republic of China by a delegation led by the Hon'ble Chief Minister?
2. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House when will construction of the proposed bridge linking the mainland with Penang Island begin and what is the cost estimated? How is such a big project to be implemented and when is it expected to be completed?
3. Is the Government aware that with the industrial development in Penang Island and Province Wellesley, a threat to farmers has arisen?

- (a) Lack of labour because the youths prefer working in factories;
- (b) Due to the industrial development, the Drainage and Irrigation Department has to divide its efforts and its attention towards padi fields has had to be reduced. Many padi fields have been left unattended because irrigation has not been adequate;
- (c) Please inform this House what steps have the government taken to help farmers overcome padi pests like rats, 'ulat padi', 'ulat pusing', 'ulat batang' and others;
- (d) Does the government intend to provide loans to purchase light machines (tractors) to farmers? If so, when will this programme be carried out?

(III) Hon'ble Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali to ask the Chief Minister:—

1. (a) In Bukit Mertajam District how many acres of padi land are not being cultivated for the past 3 years? Has the Government any plan to solve the problem? If any, what is the plan and when will it be implemented?
- (b) Is the Hon'ble Chief Minister aware that the drainage system for the padi fields in Bukit Mertajam District is inadequate and also not well maintained resulting in the land being muddy and not being planted with padi and has also become a breeding ground for rats? Has the Government any plan to rectify the situation and if so when?
- (c) Since the farmers have not been able to plant padi for the past 3 years, has the Government any plan to waive the irrigation rate?
2. When will the Government carry out all the projects which the Hon'ble Chief Minister has promised during his recent visit to the State Constituency of Sungei Dua especially the road to enable transportation of the rice produce out from the Permatang Sungai Dua area?
